

# Kecekapan kerajaan Malaysia meningkat

Um - 21/11/2006

PUTRAJAYA 20 Nov. - Kedudukan Malaysia dari aspek kecekapan kerajaan meningkat ke tangga 20 tahun ini daripada tangga ke-26 pada tahun lepas seperti dilaporkan oleh *World Competitiveness Yearbook 2006*, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Rafidah berkata, kedudukan negara adalah baik jika dibandingkan dengan Thailand yang menduduki tangga ke-21, United Kingdom tangga ke-26, Sweden ke-22, Jepun ke-31 dan Korea ke-47.

Manakala dari aspek-aspek birokrasi yang tidak menghalang aktiviti perniagaan, Malaysia juga meningkat kepada kedudukan ke-11 daripada tangga

ke-25, ketelusan dasar kerajaan pada kedudukan ke-15 daripada 25 dan perkhidmatan awam bebas daripada campur tangan politik pada kedudukan ke-15 daripada 24, katanya.

"Kita (Malaysia) perlu memantau mengapa *ranking* (kedudukan) ini dilakukan dan kita perlu mengambil tindakan susulan jika terdapat kedudukan yang kurang baik," katanya semasa memberi ucapatama mengenai Minda Kelas Pertama Perkhidmatan Bertaraf Dunia pada Majlis Sambutan Hari Kualiti Jabatan Perkhidmatan Awam di sini hari ini.

Penilaian kedudukan ini adalah penting untuk diperhalusi kerana ia merupakan gambaran atau persepsi yang menjadi rujukan

kepada para pelabur dan pelancong luar, katanya.

"Kita perlu mendapat kedudukan yang tertinggi untuk meyakinkan mereka untuk datang ke negara ini," katanya.

Rafidah juga mengingatkan kakitangan perkhidmatan awam supaya mengamalkan sifat ketelusan dan bersikap amanah dalam pekerjaan agar masyarakat tidak memperlekehkan imej perkhidmatan awam di negara ini.

"Jangan bersikap seperti otak udang. Kunci kepada perkhidmatan awam yang berwibawa adalah mempunyai minda kelas pertama, amanah, berdedikasi, berdisiplin dan mempunyai tahap komitmen yang tinggi dalam pekerjaan," katanya lagi.

- Bernama